

Teknik Penting Semasa Penyiasatan

Adakah anda tahu bahawa 90% daripada berkomunikasi manusia adalah melalui komunikasi bukan verbal?

Adakah anda tahu bahawa keputusan dan proses penyiasatan menjadi lebih baik andai kata teknik bukan digunakan dalam bidang penyiasatan?

Pengenalan

Walaupun sukar untuk memahami sepenuhnya bagaimana seseorang memahami emosi dan kognitif iaitu cara seseorang berfikir. Memerhatikan bahasa badan boleh membongkar banyak isyarat tentang mesej terpendam yang akan disampaikan. Program ini khas untuk pegawai penguatkuasaan dan penyiasat supaya membantu mereka melaksanakan tugas sehari mereka supaya mereka dapat melakukan keputusan secara cepat dan tepat. Selain itu, peserta dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan semasa berinteraksi dengan kumpulan sasar.

Objektif Program

Program latihan ini bertujuan untuk:

- Mendedahkan kepada peserta konsep bahasa tubuh / bukan verbal
- Membolehkan peserta aplikasi kemahiran komunikasi bukan verbal dalam kerja seharian mereka

Hasil Pembelajaran

Selepas melengkapkan aturcara ini, peserta sepatutnya boleh:

- Memahami fungsi dan menerapkan prinsip-prinsip bahasa tubuh
- Membaca dan mentafsir pergerakan dan gerak isyarat semasa komunikasi interpersonal
- Meningkatkan kemahiran pemerhatian dan meningkatkan keberkesanan semasa menjalankan tugas.

Siapa yang patut hadir?

Sub-Inspektor (SI), Sarjan Mejar (SM), Sarjan (SJN), Koperal (KPL), Lans Koperal (L/KPL), Konstabel (KONST)

Metodologi

Kuliah interaksi, video, pembentangan, perbincangan, kajian kes, simulasi kes, soalan Socratic, lembaran kerja, penyelesaian masalah, kaedah induktif, kerja pasukan dan perbincangan kumpulan

Kerangka Latihan

Masa	Hari Pertama
9.00 pg – 10.30m	Memahami Konsep Komunikasi Bukan Verbal Dalam modul ini, anda akan mempelajari asas-asas komunikasi bukan verbal, evolusi bahasa badan, peranan dan fungsi komunikasi bukan verbal dan prinsip asas untuk memahami konsep-konsep. Pada akhir sesi ini, peserta dapat memahami istilah-istilah dalam bahasa badan yang akan membantu pembelajaran di modul-modul seterusnya. Pelajar akan mempelajari konsep komunikasi bukan verbal melalui kuliah interaksi dan perbincangan.
10.30pg - 11.00m	Rehat
11.00pg - 12.00ptg	Metodologi Yang Betul Dalam Analisis Komunikasi Bukan Verbal Dalam modul ini, anda akan mula mempelajari kemahiran dan teknik semasa menjalankan pemerhatian. Peserta akan mempelajari teknik pembelajaran secara kendali. Pada akhir sesi ini, peserta berupaya untuk menyediakan diari bahasa badan untuk pembelajaran berterusan.
12.00 tengah hari - 1.00 tengah hari	Jendela ke Jiwa kita: Analisis Mata Dalam modul ini, anda akan belajar untuk mendedahkan makna yang disampaikan melalui mata kita. Peserta akan belajar teknik untuk menganalisis pergerakan mata, intensiti sentuhan mata dan kedudukan mata dalam sesi ini. Peserta akan menjalankan latihan pemerhatian video untuk belajar teknik analisis ini.
1.00 petang - 2.00 petang	Makan Tengahari Dan Rangkaian
2.00 petang - 3.30 petang	Ekspresi Wajah Sebagai Sumber Utama Modul ini membantu anda memahami jenis ekspresi wajah khasnya emosi manusia. Peserta akan dilatih untuk menjalankan analisis bahagian dahi, kening, dagu dan bibir. Pada akhir modul ini, peserta berupaya untuk membaca emosi seseorang secara tepat. Kemahiran untuk membaca emosi sangat penting untuk menganalisis kejujuran seseorang. Selain itu, peserta dapat menggunakan alat FACS (Facial Action Coding System) yang digunakan dalam analisis muka yang tepat.

3.30 petang - 4.00 petang	Rehat
4.00 petang - 5.00 petang	Sentuhan – Interaksi Ikatan Dalam modul ini, peserta akan mempelajari teknik untuk menganalisis pelbagai jenis hubungan dengan pelbagai ragam sentuhan antara manusia. Selain itu, peserta akan mempelajari psikologi yang terlibat antara sentuhan manusia dan tingkah laku. Peserta berupaya untuk menganalisis dan membaca maklumat terpendam khasnya hubungan manusia dalam sesi ini.
Masa	Hari Kedua
9.00 pg – 10.30m	Pusat Kuasa: Tangan Modul ini membantu peserta memahami konsep gerakan tangan. Selain itu, peserta akan dapat membaca mesej yang dibawa oleh tapak tangan, jajar tangan dan pergerakan tangan dalam sesi ini. Analisis video membantu peserta untuk menguasai kemahiran di sesi ini.
10.30pg - 11.00m	Rehat dan Rangkaian
11.00pg - 12.00ptg	Analisis Lengan Sebagai Tanda Personaliti Modul ini membolehkan peserta untuk menguasai kemahiran gaya lengan yang berbeza dan pelbagai penghantaran mesej. Dengan memahami konsep ini; peserta dapat mengenal pasti makna pergerakan mikro lengan. Teknik soalan Socratic akan digunakan sebagai teknik pembelajaran dalam sesi ini.
12.00 tengah hari - 1.00 tengah hari	Perasaan atau Emosi Ekspres: Kaki Emosi Kaki merupakan elemen utama yang akan dianalisis oleh pakar bahasa badan. Dalam modul ini, peserta akan mempelajari gaya kaki seseorang. Selain ini, peserta akan berupaya untuk menganalisis gaya berjalan dengan emosi, personaliti dan kognitif yang sedang bertutur dengan kita.
1.00 petang - 2.00 petang	Makan Tengahari dan Rangkaian
2.00 petang - 3.30 petang	Ruang dan Bahasa Badan Modul ini membolehkan anda memahami konsep ruang antara individu. Dari analisis ruang, peserta akan dapat mengenal pasti hubungan antara individu. Pada masa yang sama, peserta dapat

	memahami mesej yang dihantar antara individu melalui analisis ruang. Analisis kajian kes akan dijalankan untuk meningkatkan aplikasi konsep ruang dan bahasa badan.
3.30 petang - 4.00 petang	Rehat dan Rangkaian
4.00 petang - 5.00 petang	Perangkap Musang Yang Licik Melalui Bahasa Tubuh. Modul ini merangkumi asas-asas penipuan termasuklah risiko penipuan, teknik penipuan, asas psikologi penjenayah akan didedahkan kepada peserta. Modul ini melatih peserta dengan teknik-teknik mengenal pasti pembohongan secara lisan dan bukan lisan. Pada akhir sesi ini, peserta akan menjadi lebih peka dan dapat mengenal pasti maklumat yang tidak benar yang diberikan oleh kumpulan sasar.